



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu ke 26 Tahun 2009 (28 Jun - 4 Julai 2009)

Sejumlah 691 kes denggi telah dilaporkan ke Kementerian Kesihatan pada minggu 26 (28 Jun hingga 4 Julai 2009) iaitu penurunan sebanyak 58 kes (8%) berbanding dengan jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 749 kes. Hanya empat (4) negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu ini berbanding minggu sebelumnya iaitu di Terengganu 108%, Kelantan 73%, Sabah 43% dan Sarawak 27%. Jumlah terkumpul kes denggi tahun 2009 ialah 25,234 kes berbanding 21,704 kes pada tempoh yang sama tahun 2008.

Pada minggu ini tiada kematian dilaporkan. Manakala jumlah keseluruhan kematian tahun 2009 ialah 62 telah meningkat sebanyak 32% berbanding minggu yang sama tahun 2008 iaitu 47 kes. Tiga negeri mencatatkan kematian tertinggi tahun 2009 iaitu Selangor 43 kematian, WPKL & Putrajaya 7 kematian dan N. Sembilan 5 kematian (Sila rujuk lampiran A).

Sehingga 4 Julai 2009, terdapat 33 lokaliti 'hot spot' yang dilaporkan, di mana 27 lokaliti adalah di Selangor, 4 lokaliti di WPKL & Putrajaya masing-masing satu lokaliti adalah di Johor dan Terengganu. Pada minggu ini, terdapat 7 lokaliti 'hot spot' telah bebas daripada wabak denggi. Walau

bagaimana pun terdapat 7 lokaliti '*hot spot*' baru dikesan dimana 5 lokaliti di Negeri Selangor dan 2 lokaliti di WPKL & Putrajaya. Rujukan lokaliti '*hot spot*', '*hot spot*' baru dan bebas '*hot spot*' seperti di lampiran C, D, dan E.

Premis rumah kediaman/kedai masih lagi menjadi tempat positif tertinggi pembiakan *Aedes* iaitu 61%. Pembiakan *Aedes* yang tinggi juga ditemui di pembahagi jalan 31% , tanah dan lot kosong 15%, tapak binaan 13% dan kawasan kilang 11%. Ini menunjukkan sebilangan besar masyarakat masih lagi tidak prihatin tentang bahaya pembiakan *Aedes* di rumah dan sekitar kawasan kediaman mereka. Prestasi aktiviti gotong-royong tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana penyertaan masyarakat yang masih lagi kurang memuaskan. Hanya 32 (46%) aktiviti gotong-royong yang dapat dijalankan walaupun sebanyak 70 aktiviti disasarkan sepanjang minggu ini.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pencegahan dan kawalan denggi, KKM kini sedang menjalankan Kempen Media Denggi melalui TV, Radio dan akhbar tempatan bermula 16 Jun 2009 sehingga Oktober 2009. Kempen media ini menekankan 2 mesej utama iaitu menyarankan masyarakat untuk mengambil tindakan mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan *Aedes* di kediaman masing-masing dan meminta mereka segera mendapatkan rawatan jika demam. Oleh itu, masyarakat disaran untuk mengambil perhatian terhadap kempen media ini dan mengambil tindakan terhadap mesej yang disarankan.

Tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik premis yang didapati membiak *Aedes* dan menyimpan takungan berpotensi bagi pembiakan *Aedes* di premis telah dijalankan, dimana sejumlah 323 kompaun bernilai RM38,580.00 dan 263 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan di seluruh negara.

Bagi penyakit Chikungunya, terdapat penurunan sebanyak 24 kes (39%) kepada 37 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 61 kes. Sehingga kini masih terdapat 3 lokaliti wabak Chikungunya. Secara umumnya berlaku penurunan kes disemua negeri kecuali 3 negeri yang menunjukkan sedikit peningkatan (1kes) sahaja berbanding minggu sebelumnya. Memandangkan sekarang adalah musim buah-buahan pekebun dan pembeli diminta mengelak dari gigitan nyamuk *Aedes* dengan memakai baju berlengan panjang dan berseluar panjang, mengguna bahan penghalau nyamuk dan menjaga kebersihan kebun supaya tiada tempat pembiakan *Aedes*.(Lampiran B).

Walaupun kes demam denggi dan Chikungunya telah menunjukkan sedikit penurunan pada minggu ini, masyarakat diingatkan agar sentiasa mengamalkan langkah pencegahan iaitu dengan memastikan tiada pembiakan nyamuk *Aedes* di rumah mereka. Luangkan masa 10 minit untuk mengesan dan menghapuskan tempat atau bekas pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah kediaman sekurang-kurangnya seminggu sekali. Sekiranya ada di kalangan mereka mengalami demam, dapatkan rawatan dengan segera di klinik atau hospital terdekat. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah penderitaan akibat demam denggi. Untuk pertanyaan lanjut mengenai demam denggi dan Chikungunya sila dapatkan maklumat berkaitan dari kemudahan kesihatan berhampiran atau laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

6 Julai 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 26/2009
(28 Jun – 4 Julai)**

| Bil | Negeri | Jumlah Kes | | Jumlah Kes Sehingga Minggu 26/2009 | Jumlah Kes Sehingga Minggu 26/2008 |
|-----|------------------|------------------------------------|-------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|
| | | Minggu 26/09 (28 Jun - 4 Julai) | Minggu 25/09 (21 – 27 Jun) | | |
| 1. | Perlis | 7 | 11 | 145 | 81 |
| 2. | Kedah | 13 | 15 | 516 | 676 |
| 3. | P. Pinang | 54 | 60 | 1,589 | 898 |
| 4. | Perak | 48 | 54 | 2,055 (1) | 2,082 (1) |
| 5. | Selangor | 291 | 307 (1) | 12,853 (43) | 9,053 (22) |
| 6. | WPKL & Putrajaya | 76 | 106 | 2,349 (7) | 2,574 (4) |
| 7. | N. Sembilan | 16 | 26 | 546 (5) | 621 (1) |
| 8. | Melaka | 21 | 30 | 397 | 331 |
| 9. | Johor | 35 | 48 | 1,490 (2) | 1,663 (9) |
| 10. | Pahang | 19 | 21 | 512 (1) | 629 |
| 11. | Terengganu | 25 | 12 | 610 | 935 (2) |
| 12. | Kelantan | 26 | 15 (1) | 698 (1) | 871 (6) |
| 13. | Sarawak | 38 | 30 | 915 | 671 |
| 14. | Sabah | 20 | 14 | 537 (2) | 586 (2) |
| 15. | WP Labuan | 2 | 0 | 22 | 33 |
| | Jumlah | 691 (0) | 749 (2) | 25,234(62) | 21,704(47) |

Nota:
() Kematian

Disedia oleh: PPKP Hj Abu Bakar Kassim

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 26 DAN 25 BAGI TAHUN 2009**

| Bil | Negeri | Bilangan Kes | | Jumlah Terkumpul Minggu 1- 26 Tahun 2009 | Jumlah Kes bagi tahun 2008 |
|-----|------------------|---|------------------------------------|--|----------------------------------|
| | | Minggu 26 (28 Jun – 4 Julai 2009) | Minggu 25 (21 – 27 Jun 2009) | | |
| 1 | Perlis | 0 | 1 | 29 | 3 |
| 2 | Kedah | 4 | 3 | 772 | 181 |
| 3 | P. Pinang | 18 | 24 | 240 | 6 |
| 4 | Perak | 2 | 10 | 391 | 590 |
| 5 | Selangor | 4 | 4 | 386 | 353 |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 1 | 4 | 90 | 27 |
| 7 | N. Sembilan | 0 | 1 | 31 | 176 |
| 8 | Melaka | 0 | 0 | 0 | 606 |
| 9 | Johor | 2 | 2 | 138 | 1,846 |
| 10 | Pahang | 0 | 0 | 67 | 341 |
| 11 | Terengganu | 1 | 0 | 51 | 4 |
| 12 | Kelantan | 4 | 6 | 371 | 135 |
| 13 | Sarawak | 0 | 6 | 302 | 3 |
| 14 | Sabah | 1 | 0 | 5 | 0 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | MALAYSIA | 37 | 61 | 2,873 | 4,271 |

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 04 JULAI 2009 (Mg 26)

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|-----|----------|--------------------|--|------------|-----------------------------|
| 1 | SELANGOR | MBSA | Seksyen U3 Subang Perdana 1 | 19 | 102 |
| 2 | SELANGOR | Hulu Langat | Seksyen 3 Bandar Sri Putra | 21 | 92 |
| 3 | SELANGOR | MBSA | Seksyen U5 (Subang Murni) | 19 | 89 |
| 4 | SELANGOR | MPAJ | Pandan Indah (Zon C) | 17 | 83 |
| 5 | SELANGOR | MPAJ | Taman Mega Jaya (Zon A) | 11 | 69 |
| 6 | SELANGOR | MPAJ | Taman Permata (Zon C) | 12 | 65 |
| 7 | SELANGOR | Gombak | Tmn Sri Gombak Fasa 8,9 Zon 4 | 11 | 64 |
| 8 | SELANGOR | Gombak | Taman Indah Perdana | 7 | 64 |
| 9 | SELANGOR | MPAJ | Taman Putra Sulaiman (Zon B) Episod 2 | 35 | 58 |
| 10 | SELANGOR | Gombak | Taman Sri Gombak Fasa 1 Zon 1 | 12 | 52 |
| 11 | SELANGOR | Gombak | Bt 8-10 Jln Gombak (Episod 3) | 12 | 51 |
| 12 | SELANGOR | Hulu Langat | Taman Sri Langat | 8 | 49 |
| 13 | SELANGOR | Hulu Langat | Appt Vista Putra Bandar Sri Putra Bangi | 13 | 48 |
| 14 | SELANGOR | MPAJ | Taman Putra Sulaiman (Zon C) Episod 2 | 10 | 47 |
| 15 | SELANGOR | MBSA | Sek 13 Appt Perdana | 11 | 46 |
| 16 | SELANGOR | MPAJ | Taman Ampang Mewah (Zon B) Episod 3 | 12 | 46 |
| 17 | SELANGOR | Hulu Langat | Kolej Islam Antarabangsa Bangi (KUIS) | 18 | 46 |
| 18 | SELANGOR | Gombak | Taman Gombak Ria | 10 | 45 |
| 19 | SELANGOR | Gombak | Appt. Fiona | 6 | 43 |
| 20 | SELANGOR | MBSA | Kem Paya Jaras | 8 | 42 |
| 21 | SELANGOR | Hulu Langat | Zon 6 Taman Impian Ehsan | 7 | 40 |
| 22 | SELANGOR | Hulu Langat | Zon 3 Sek 1 BB Bangi | 8 | 39 |
| 23 | SELANGOR | Hulu Langat | Zon 5, Taman Impian Ehsan | 8 | 37 |

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|------------|---------------|----------------------------|----------------------------|-----------------------|--|
| 24 | SELANGOR | Gombak | Kg Nakhoda Kiri | 7 | 35 |
| 25 | SELANGOR | MPAJ | Taman Ampang Utama (Zon C) | 10 | 31 |
| 26 | SELANGOR | Gombak | Taman Selayang Utama | 7 | 31 |
| 27 | SELANGOR | Hulu Langat | Taman Desa Baiduri | 10 | 31 |
| 28 | WPKL | Setapak | PPR Kg Baru Air Panas | 8 | 59 |
| 29 | WPKL | Pusat Bandar | PPR Sri Alam | 8 | 54 |
| 30 | WPKL | Setapak | Platinum Hill Kondo | 15 | 90 |
| 31 | WPKL | Cheras | Desa Tasik (Awam) | 6 | 33 |
| 32 | Pahang | Kuantan | Taman Tas | 12 | 34 |
| 33 | Terengganu | K.Terengganu | Masjid Hj Kadir | 6 | 30 |

SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 26 (28 Jun - 04 Julai 2009)

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tamat Pada |
|-----|------------|--------------------|--------------------------|---------------|---------------|
| 1 | SELANGOR | Gombak | Kg Nakhoda Kiri | 7 | 26.07.09 |
| 2 | SELANGOR | MPAJ | Tmn Ampang Utama (Zon C) | 10 | 10.07.09 |
| 3 | SELANGOR | Gombak | Taman Selayang Utama | 7 | 09.07.09 |
| 4 | SELANGOR | Hulu Langat | Taman Desa Baiduri | 9 | 10.07.09 |
| 5 | WPKL | Cheras | Desa Tasik (Awam) | 6 | 04.07.09 |
| 6 | PAHANG | Kuantan | Taman Tas | 12 | 10.07.09 |
| 7 | TERENGGANU | K.Terengganu | Masjid Hj Kadir | 6 | 10.07.09 |

Lampiran E**SENARAI LOKALITI BEBAS “HOT SPOT” BAGI MINGGU 26 (28 Jun - 04 Julai 2009)**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|------------|---------------|----------------------------|---|-----------------------|--|
| 1 | SELANGOR | MBSA | Taman Cahaya Alam U12 Episod 2 | 9 | 59 |
| 2 | SELANGOR | MBSA | Seksyen U6 Kg Melayu Subang | 5 | 54 |
| 3 | SELANGOR | MBSA | Seksyen U1 Pangsapuri Seri Melewar TTDI Jaya | 5 | 47 |
| 4 | SELANGOR | MPK | Tmn sentosa Zon 3 Episod 2 | 9 | 45 |
| 5 | SELANGOR | MPJBT | Appt Melawis - Tmn Universiti, Mkm Pulaui | 6 | 32 |
| 6 | WPKL | Putrajaya | Appt Fasa 5 & 6 Presint 9 | 0 | 16 |
| 7 | WPKL | Kepong | Jinjang Utara (Jln 3&4 Qrts KK Jinjang) | 0 | 18 |